

ANALISIS KONTRAK PERJANJIAN CUTI BELAJAR SEBUAH UNIVERSITI (PCBU) IPTA DI MALAYSIA: ANALISIS AKAD (KONTRAK) DARI SUDUT MUAMALAT

Hazmi Dahlan^{a 1*} & Nurul Asyikin Muda

^a Labuan Faculty of International Finance, Universiti Malaysia Sabah, Malaysia

^b Aqad Professional Consultant

ABSTRACT

Usury is likely to occur in the loans of public servants in Malaysia, especially among university lecturers. The research of the contract was done through the actual contract and found that there was an element of ribawi. This contract change needs to be in line with our country which is developing the concept of "Civil" and is also known as a world-renowned Islamic banking practitioner in line with the ultimate prohibition of the practice of usury since the revelation of the Qur'an because its effects damage human relationships and affect economic justice. The researcher specializes in analytical research on scholarship or loan contracts for university staff based on the experience that several lecturers have gone through in reality through the contracts they have signed. The Islamic Jurisprudence and It's Evidences Al-Fiqh al-Islami wa-Adillatuh from imam Wahbah al-Zuhaili, the main reference of this study as a step to help provide a proposal for a sharia-friendly contract so that a suitable module can be used to avoid usury without conscious.

Keywords: University, Lecturer, Agreement, Loan, Study, Government, Riba, Ghara, Contract, Syariah

ABSTRAK

Riba tanpa sedar berkemungkinan berlaku dalam pinjaman kakitangan penjawat awam di Malaysia terutama dalam kalangan pensyarah-pensyarah universiti. Penelitian kontrak dilakukan melalui kontrak sebenar mendapati terdapat unsur ribawi. Perubahan kontrak ini perlu sejajar dengan negara kita yang sedang membangunkan konsep "Madani" dan juga terkenal sebagai pengamal perbankan Islam yang terkenal di dunia sejajar larangan muktamad amalan riba sejak turunnya al-Quran kerana kesannya merosakkan hubungan sesama manusia serta menjelaskan keadilan ekonomi. Pengkaji mengkhususkan penelitian analitikal terhadap kontrak biasiswa atau pinjaman kakitangan universiti berdasarkan pengalaman yang telah dilalui oleh beberapa orang pensyarah secara realiti melalui kontrak yang telah mereka tandatangani. Asas syariah dan kupasan empat mazhab *The Islamic Jurisprudence and It's Evidences Al-Fiqh al-Islami wa-Adillatuh* dari imam Wahbah al-Zuhaili rujukan utama kajian ini sebagai langkah membantu memberikan cadangan kontrak yang mesra syariah agar satu modul yang sesuai digunakan untuk mengelakkan berlakunya riba tanpa sedar.

^{1*} Corresponding author; Hazmi Dahlan, Senior Lecturer at the Labuan Faculty of International Finance, Universiti Malaysia Sabah (UMS), Malaysia. E-mail: Hazmi@ums.edu.my

Kata kunci: Univerisiti. Pensyarah. Perjanjian. Pinjaman. Pengajian. Kerajaan. Riba. Gharar. Kontrak. Syariah.

1. Introduction

Kontrak Perjanjian Cuti Belajar Universiti (PCBU) belum ada apa-apa kajian yang pernah dilakukan untuk menentukan konsep pinjaman itu berunsur riba ataupun tidak untuk dibuat perubahan. Manakala pinjaman-pinjaman lain di Malaysia terutama pinjaman yang berkaitan pengajian telah mula dilakukan penelitian.

Pinjaman pengajian seperti Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN) dan Majlis Amanah Rakyat (MARA) sedang dalam proses memperbaiki kontrak mereka atas desakkan pelbagai pihak. Isu pinjaman-pinjaman itu telah disiarkan di media massa secara meluas seperti tajuk "Siasat unsur riba pinjaman PTBN" dari Malaysiakini (2001), "Asyraf Wajdi mahu jadikan pinjam MARA bebas riba" dari Berita Harian (2023).

Merujuk pesanan SS Dato' Seri Dr. Zulkifli bin Mohamad al-Bakri (2018) berkenaan isu pinjaman pengajian PTPTN, beliau memberikan nasihat bahawa "Pihak Kerajaan dan PTPTN dengan para peminjam hendaklah bersemuka untuk membincangkan alternatif terbaik dalam menyelesaikan tanggungjawab pinjaman yang telah diterimanya. Buah fikiran cerdik pandai amat diperlukan untuk menatiahkan kebaikan kepada kedua-dua pihak; PTPTN dan peminjam".

Penelitian kontrak Perjanjian Cuti Belajar Universiti (PCBU) untuk kakitangannya diteliti oleh pengkaji dari sudut syariah iaitu teori riba melalui teori akad. Bermula dengan teori riba, pemantauan halal serta haram adalah fardhu Ain yang wajib ke atas seseorang Muslim yang berpengetahuan dalam ilmu fikah. Amalan muamalat adalah berpandukan al-Quran dan hadis Nabi Muhammad s.a.w sebagai panduan terutama pelakuan yang baik kepada Allah s.w.t dan sesama manusia terutama sesama Islam. Merujuk syekh Abdul al-Baqi dalam kitabnya al-Mu'jam terdapat 28 kali perkatan yang melibatkan "adil" disebut dalam al-Quran yang menjadikan sangat wajar untuk diteliti kontrak PCBU supaya lebih harmoni dari segi fizikal dan mantel setelah melakukan persetujuan menerima pinjaman sambung belajar serta rasa bebas daripada ketidak adilan. Antara ayat-ayat yang berkaitan seperti *al-'adl*, *al-qist* dan *al-mizan*. Adalah lebih jelas jika kita merujuk ayat 29 surah Annisa:

يَأَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا لَا تَأْكُلُوْا أَمْوَالَكُمْ بَيْنَكُمْ بِالْبَطْلِ إِلَّا أَنْ تَكُونَ
تِجْرَةً عَنْ تَرَاضٍ مِنْكُمْ وَلَا تَعْنَتُوْا أَنْفُسَكُمْ إِنَّ اللَّهَ كَانَ بِكُمْ رَحِيمًا

Maksud ayat: Wahai orang-orang yang beriman, janganlah memakan harta di antara kamu dengan cara yang batil melainkan dengan cara perniagaan yang saling redha-meredhai di antara kamu dan janganlah kamu membunuh diri kerana sesungguhnya Allah lebih menyayangi kamu.

Melalui potongan ayat al-Quran di atas, perkataan batil bermaksud pelakuan yang menyalahi peraturan dan tidak mengikut syariah seperti memaksa, berlebihan dalam tuntutan dan perlakuan tidak wajar ialah melakukan urusan transaksi perniagaan secara tidak adil dan tidak saksama yang tiada persetujuan oleh mana-mana pihak. Hasil daripada isu batil dalam urusan kewangan akan membawa kepada urusan riba yang berulang-ulang sebagaimana Allah s.w.t telah sebut dalam al-Quran dengan peringatan kesan negatif pengamalannya dan digandingkan dengan amaran seksaan di akhirat terhadap pengamal riba. Bermula ayat melarang pengamalan riba untuk melambangkan keimanan kepada Allah ada pada ayat 278 surah al-Baqarah:

يَا يَاهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا أَنْفَوْا اللَّهَ وَذَرُوا مَا بَقِيَ مِنَ الرِّبَا إِنْ كُنْتُمْ مُّؤْمِنِينَ

Maksud ayat: Wahai orang-orang yang beriman! Bertaqwalah kamu kepada Allah dan tinggalkanlah (jangan menuntut lagi) saki baki riba (yang masih ada pada orang yang berhutang) itu, jika benar kamu orang- orang yang beriman.

Ayat di atas adalah berkaitan dengan ayat yang sebelumnya di mana amaran keras oleh Allah s.w.t jika setelah beriman kepada Allah s.w.t tapi kembali semula mengamalkan amalan riba iaitu ayat 275 surah al-Baqarah:

وَمَنْ عَادَ فَأُولَئِكَ أَصْحَابُ النَّارِ هُمْ فِيهَا خَلِدُونَ.....

Maksud ayat: ..Dan sesiapa yang mengulangi lagi (perbuatan mengambil riba itu) maka itulah ahli neraka, mereka kekal di dalamnya.

Rumusan daripada ayat-ayat al-Quran mengharamkan riba sehingga tidak ada *ijtihad* atau *qiyyas* daripada ulama untuk menyatakan ada ruang boleh mengamalkan riba dan ini bermaksud dari sudut syariah adalah *Haram Qathi* iaitu hukum haram muktamad. Jika dikaitkan dengan salah satu hadis Nabi Muhammad s.a.w mengenai riba yang secara jelas sesiapa yang terlibat urusan amalan riba, maka dosanya adalah sama seperti orang yang memakan riba dengan mendapat penghinaan Nabi s.a.w dengan laknat.

لَعْنَ رَسُولِ اللَّهِ -صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ- آكِلِ الرِّبَا وَمُوْكَلُهُ وَكَاتِبُهُ وَشَاهِدُهُ
وَقَالَ هُمْ سَوَاءٌ.

Maksud hadis: Rasulullah shallallahu ‘alaihi wa sallam melaknat pemakan riba, peminjam, penulis transaksi dan dua saksi yang menyaksikan transaksi riba dan Sabda beginda, “Semuanya menerima dosa yang sama.”
(HR. Muslim no. 1598)

Istilah riba telah diperjelaskan oleh Ab. Mumin Ab. Ghani (1997), kenyataan Ibn ‘Arabi dan pendapat ulama mazhab Syafi‘i mengesahkan bahawa riba itu mencakup apa yang diamalkan oleh masyarakat jahiliah semasa ayat riba diturunkan yang dikenali sebagai ”riba al-Jahiliyyah” atau dikenali juga dengan ”Riba al-Nasiah” atau riba hutang yang meliputi bentuk-bentuk jual beli bersumberkan Hadis Nabi s.a.w Oleh itu, jelaslah bahawa perkataan ”al-Riba” lebih mirip kepada perkataan umum berbanding *mujmal* atau hanya tertentu kepada ”Riba al-Jahiliyyah”.

Melalui kajian tinjauan penelitian teori akad (kontrak), Weshsler (2012) mendefinisikan kontrak adalah, *‘Contract is a legally binding agreement involving two or more parties that set forth an exchange of promise of what each party will or will not do.’* Menurut Macaulay (1963) kontrak direka untuk mendefinisikan dan menjaga serta memelihara pertukaran atau transaksi.

Konsep tuntutan pihak universiti sebagai majikan terhadap mereka. Melalui tinjauan ini, telah tercetus satu fenomena pembuka ruang untuk para pakar yang berkaitan ilmu muamalat dan perundangan syariah memberikan pendapat mereka yang lebih teliti. Ini kerana dalam Islam kaedah muzakarah fikah adalah terbuka agar sentiasa mendapat perhatian dalam pengukuhan sesuatu hukum hakam terutama dalam isu muamalah apatah lagi isu semasa berkait dengan perkara-perkara baharu dan perlukan perbincangan serta penelitian.

Kajian secara analitikal terhadap borang-borang tawaran pinjaman pengajian dan temubual bersemuka dengan beberapa orang pensyarah universiti tempatan, dapatan awal memperlihatkan ketidak jelasan konsep tuntutan pihak universiti sebagai majikan terhadap mereka. Melalui tinjauan ini, telah tercetus satu fenomena pembuka ruang untuk para pakar yang berkaitan ilmu muamalat dan perundangan

syariah memberikan pendapat mereka yang lebih teliti. Ini kerana dalam Islam kaedah muzakarah fikah adalah terbuka agar sentiasa mendapat perhatian dalam pengukuhan sesuatu hukum hakam terutama dalam isu muamalah apatah lagi isu semasa berkait dengan perkara-perkara baharu dan perlukan perbincangan serta penelitian.

1.1 KONSEP AKAD DALAM ISLAM

Teori akad secara umumnya ialah persetujuan antara dua belah pihak yang berakad yang boleh melahirkan obligasi undang-undang. Kontrak atau akad dalam fikah Islam ialah tawaran (*ijab*) dan penerimaan tawaran (*qabul*) yang akan berlaku satu kesan hukum pada suatu objek:

"the obligation which is the result of an offer given by one party and
the acceptance given by the other party in a way where its legal effect
is expressed on the thing contracted upon."(Majalah al-Ahkam. Artikal 103)

Boleh diringkaskan bahawa sebagai kontrak yang sah mestilah terdapat hubungan antara penawar dan penerima dengan ada matlamat yang jelas. Hubungan di antara pemberi dan penerima terkandung di dalam konsep kerelaan, manakala matlamat sesuatu kontrak itu terkandung di dalam objek dan sabab. Oleh yang demikian, pembentukan sesuatu kontrak yang sah di dalam undang-undang Islam mestilah mengandungi tiga rukun utama iaitu; kerelaan dari pelaku, objek dan sabab atau tujuan.

Ahmad Sufyan Che Abdullah (2011), memberikan justifikasinya dalam konteks kontrak muamalat dan syarat-syaratnya bahawa Islam juga mengharuskan sebarang bentuk kontrak dalam transaksi kewangan selagi kontrak itu tidak melanggar prinsip syariah yang utama seperti berikut;

- i. Wujud unsur kerelaan antara dua pihak yang berkontrak;
- ii. Tidak mengandungi unsur riba dan unsur-unsur yang diharamkan seperti perjudian dan subjek kontrak yang haram;
- iii. Tidak bercanggah dengan mana-mana hukum lain yang ditetapkan oleh dalil yang sahih;
- iv. Implikasinya tidak membawa kepada kemudaratan kepada masyarakat;
- v. Tidak bercanggah dengan sifat asal kontrak yang membawa kepada unsur yang diharamkan.

Jika dikaitkan dalam undang-undang kontrak moden atau sekular, istilah tawaran (*offer*), penerimaan (*acceptance*) dan balasan (*consideration*) digunakan dalam menghuraikan tiga unsur utama pembentukan kontrak. Meskipun begitu, konsepnya tidak jauh berbeza dengan konsep kerelaan, objek dan sabab yang dinyatakan di muamalat Islam sebagai *unilateral juridical act* di mana kerelaan dan persetujuan kedua belah pihak yang berakad tidak semestinya diperlukan. Ini bermakna akad itu tetap mengikat dan memberi kesan di sisi undang-undang walaupun tanpa persetujuan daripada pihak yang lainnya, seperti lafaz talak dari suami dan pembebasan hamba.

Mengenai konsep balasan (*consideration*) di dalam undang-undang kontrak Islam, balasan tidak semestinya diperlukan dalam pembentukan sesuatu akad seperti akad yang tidak memerlukan kepada balasan yang berbentuk hibah dan wasiat. Di samping itu, objek yang menjadi teras kepada pembentukan kontrak itu hendaklah wujud pada masa akad. Para fuqaha berpendapat objek tersebut boleh diserahkan pada masa hadapan (*Mahal Mustaqbal*) dengan syarat tidak wujud unsur *gharar* dan penerangan yang lengkap perlu diberi kepada spesifikasi objek tersebut. *Gharar* secara umumnya dapat difahami sebagai elemen ketidak pastian (*uncertainty*) di dalam butiran sesuatu kontrak yang mana unsur-unsur ini akan memberi kesan sesuatu kontrak itu kabur dan tidak dapat dipastikan dengan mengakibatkan spekulasi, risiko yang tidak munasabah serta percanggahan maklumat di antara pihak-pihak berkontrak.

1.2 PEMBAHAGIAN AKAD-AKAD MUAMALAT

Imam al-Zuhaili (*The Islamic Jurisprudence and It's Evidences Al-Fiqh al-Islami wa-Adillatuh*) mengklifikasikan akad kepada 5 bahagian.

Pertama: Akad yang sah dan akad yang batal (*Al- 'Aqd al-Sahih wa al- 'Aqd al-Batil*). Akad yang sah ialah akad yang menepati segala syarat dan rukun untuk membentuk satu akad tertentu misalnya akad jual beli. Akad yang batal ialah akad yang tidak menepati syarat dan rukun-rukun akad tersebut.

Kedua: Akad yang terlaksana secara serta merta dan akad yang terhenti atas sebab-sebab tertentu (*Al- 'Aqd al-Najidz wa al- 'Aqd al-Mauquj*). Akad yang terlaksana secara serta merta tidak terikat dengan hak orang lain yang hukum dan kesannya berlaku serta merta seperti menjual sesuatu yang memang menjadi milik penjual tersebut. Akad yang terhenti atas sebab-sebab tertentu ialah akad yang terikat dengan hak orang dengan keizinan seperti *bay' fiduli* sesetengah akad kanak-kanak yang *mumayyiz* dan wasiat.

Ketiga: Akad yang mengikat dan akad yang tidak mengikat (*Al- 'Aqd al-Lazim wa Chair al-Lazim*). Akad yang mengikat ialah akad yang tidak boleh *khiyar* (memilih) manakala akad yang tidak mengikat ialah akad yang boleh *khiyar*. Terdapat tiga jenis akad yang mengikat iaitu:

- (i) Mengikat kedua belah pihak (akad itu tidak boleh dibubarkan tanpa kebenaran pihak satu lagi seperti jual beli dan sewa).
- (ii) Tidak mengikat kedua belah pihak (kedua-dua pihak boleh membubarkan akad tanpa kebenaran pihak yang satu lagi seperti wakalah, syarikat, mudharabah, wadi'ah, i'jarah dan wasiah).
- (iii) Hanya mengikat sebelah pihak (sebelah pihak sahaja boleh bubar akad seperti gadaian).

Keempat: Akad yang ada balasan dan akad yang tidak ada balasan ('*Aqd al-Mu'aradat wa 'Aqd al-Tabarru'*). Akad yang ada balasan ialah akad yang memberi manfaat kepada kedua-dua pihak yang berakad seperti akad jual beli dan sewa, manakala akad yang tiada balasan ialah akad yang memberi manfaat kepada sebelah pihak yang berakad sahaja seperti hibah dan pinjaman.

Kelima: Akad yang memindah milik 'ainnya dan akad yang memindah milik manfaat sahaja. (*Uqud Tamlik al- 'Ain wa Uqud Tamlik al-Manfa 'at*). Akad yang memindah milik aset ialah seperti akad jual beli dan akad yang memindah milik manfaat sahaja seperti akad sewaan.

Pembahagian akad muamalat di atas merupakan salah satu bentuk pembahagian yang dilakukan oleh para fukaha berdasarkan kepada ciri-ciri sesuatu akad. Terdapat banyak lagi bentuk pembahagian akad yang boleh dilakukan seperti akad yang dibenarkan dalam Islam dan akad yang tidak dibenarkan yang bersifat akad itu sendiri dan akad yang berbentuk remedy. Kajian ini bersifat kontemporari sebagai usaha mengenal pasti elemen-elemen persamaan dan perbezaan dalam akad-akad antara undang-undang kontrak Islam dengan undang-undang kontrak sekular seterusnya mengislamisasi kontrak-kontrak yang tidak menepati syarak.

2.0 PERMASALAHAN KAJIAN

Permasalahan yang berkaitan dengan pensyarah yang tidak dapat menghabiskan atau menamatkan pengajaran yang terikat dengan PCBU sentiasa berlaku setiap tahun di kebanyakan universiti awam di Malaysia. Pencetusan isu bermula dengan situasi beberapa orang pensyarah pada 13 Disember 2016 memperolehi arahan menandatangani perjanjian tambahan daripada ketua bahagian sumber manusia yang bertajuk "Perjanjian Tambahan di Antara (pensyarah yang ditaja yang disebut sebagai pelajar) Dengan Universiti (majikan)". Berdasarkan pengalaman mereka, perkara ini tidak pernah dimaklumkan sewaktu bersetuju menandatangani perjanjian awal untuk cuti belajar yang mana akan ada perjanjian tambahan jika gagal menamatkan pengajaran. Merujuk fizikal borang PCBU sebuah universiti awam, lampiran B klausa 7 ada menyatakan bahawa universiti berhak meminda apa-apa syarat tanpa memberi notis, namun hendaklah secara bertulis dan dipersetujui bersama oleh universiti dan pensyarah/kakitangan

yang disebut pada Klausus 19 m.s 22 dalam borang PCBU itu.

Perjanjian tambahan adalah tidak wajar dilakukan jika merujuk kepada perjanjian asal klausus 9 Tanggungan Dan Kewajipan, bahawa tidak akan berlaku perubahan selepas menandatangani PCBU. Ini boleh difahami melalui keratan perjanjian di rajah 1.

9. Tanggungan Dan Kewajipan

Segala tanggungan dan/atau kewajipan yang diwujudkan oleh Perjanjian ini akan terus menjadi sah dan terikat bagi segala apa tujuan walaupun ada perubahan dengan cara penyatuan atau pembentukan semula atau sebaliknya yang dibuat kepada perlembagaan **UNIVERSITI** dan begitu juga segala tanggungan dan/atau kewajipan yang diwujudkan oleh Perjanjian ini akan terus menjadi sah dan terikat bagi segala apa tujuan walaupun ada perubahan dengan apa cara sekali pun kepada atau oleh **PELAJAR**. Dengan ini adalah diikrarkan bahawa tiada sebarang apa perubahan akan menjelaskan tanggungan dan/atau kewajipan yang diwujudkan di bawah Perjanjian ini bersabit dengan sebarang transaksi atau perlakuan sama ada yang lepas, sekarang atau masa depan.

Rajah 1: PCBU asal klausus 9

Susulan daripada itu, pada 10 Mac 2017 perjumpaan khas oleh Ketua Seksyen Kemajuan Kerjaya dari bahagian sumber manusia (BSM) universiti dengan bersama pensyarah-pensyarah gagal dalam pengajian yang pernah menerima tawaran kemudahan cuti belajar telah menekankan adalah wajib melakukan persetujuan terhadap perjanjian tambahan yang akan berkuat kuasa pada bila-bila masa. Walaupun pensyarah yang terlibat tidak menurut arahan itu untuk menurunkan tandatangan mereka, pihak universiti akan tetap melakukan pemotongan gaji dalam kadar yang sesuai beserta syarat-syarat yang terkandung dalam perjanjian tambahan. Ini telah mewujudkan unsur-unsur paksaan yang tidak selaras dengan klausus 19 Perubahan Dan Penambahan iaitu “..dipersetujui bersama..”.

19. Perubahan Dan Penambahan

Apa-apa perubahan dan penambahan yang hendak dibuat dan yang membabitkan Perjanjian ini hendaklah secara bertulis dan dipersetujui bersama oleh **UNIVERSITI** dan **PELAJAR**.

Rajah 2: PCBU asal klausus 19

Tanpa ada sebarang kenyataan yang dijelaskan sebelum persetujuan menandatangani perjanjian asal memberikan perjanjian baharu adalah sesuatu yang meragukan. Keadaan kontrak seperti ini boleh membawa kepada wujudnya elemen penipuan iaitu *gharar* walaupun pada matlamat sebenarnya untuk bertujuan mengalakkan pensyarah-pensyarah yang gagal itu berusaha untuk mendapatkan semula PhD mereka.

Berdasarkan kekuatan Malaysia dalam memperkenalkan negara sebagai peneraju sistem perbankan dan kewangan Islam sejak 1984, kontrak PCBU adalah sebahagian dari konsep muamalat yang melibatkan kontrak kewangan yang perlu berteraskan syariah. Berdasarkan isi kandungan Perjanjian

Tambahan, pengkaji berpendapat wujudnya isu *gharar* yang bermaksud ketidak pastian dengan disertai isu riba. Arahan dan kandungan Perjanjian Tambahan berkaitan dengan pembayaran tuntutan ganti rugi yang dituntut oleh pihak universiti kepada pelajar adalah tidak jelas samada bayaran tersebut sebagai **pengurang tempoh ikatan perjanjian atau akan dikembalikan** jika berjaya tamatkan pengajian secara sambilan.

Perubahan terma kontrak seperti di Rajah 3 telah berlaku di Perjanjian Tambahan ini, iaitu tajaan disebut sebagai “Hadiah Latihan” dari PCBU asal kepada terma “Perjanjian Biasiswa tersebut” di Perjanjian Tambahan. Melalui perubahan ini boleh memberikan kesan yang besar dalam unsur-unsur perjanjian asal yang telah dipersetujui.

BAHAWASANYA –

- (A) PELAJAR sebelum ini telah memasuki suatu Perjanjian Hadiah/Biasiswa Latihan Kaktangan Universiti Malaysia ##### dan/atau Perjanjian Cuti Belajar dengan UNIVERSITI bertarikh (selepas ini disebut sebagai “Perjanjian Biasiswa tersebut”).

Rajah 3: Perjanjian Tambahan (A)

Sebagai kaedah memahami unsur perjanjian yang berkemungkinan mengandungi *gharar*, pengkaji memberikan jadual penjelasan ciri-ciri *gharar* dan riba seperti Rajah 4 di bawah.

Ciri-ciri <i>gharar</i>	Ciri-ciri riba
<ul style="list-style-type: none"> - Perjanjian tambahan tidak diketahui di peringkat awal - Arahan secara paksa untuk bersetuju terhadap perjanjian tambahan - Kadar masa yang tidak jelas 	<ul style="list-style-type: none"> - Dikehendaki dan diminta membayar bayaran tambahan dari kadar asal yang dipinjamn. - Syarat tambahan selain kadar hutang yang dibayar seperti memberikan perkhidmatan atau pemberian lain selain kewangan.

Rajah 4: Ciri-ciri *gharar* dan riba Mustafā Dib al-Bughā, Fiqh al-Mu’awadāt

Kajian kontrak PCBU atau yang seumpamanya belum pernah dilakukan penelitian dan memerlukan kajian lanjutan sebagai mengharmonikan konsep kontrak yang ada di Malaysia serta hasil kajian boleh menjadi literatur bidang penganalisisan kontrak.

2.1 KAJIAN LEPAS

Kajian terhadap kontrak muamalat sentiasa berlaku tapi hanya dalam situasi kewangan dan perbankan Islam sahaja. Belum ada kajian secara khusus terutama kontrak PCBU atau biasiswa universiti di Malaysia. Kajian Nor Razinah (2016) yang mendapati 90% pelanggan produk perbankan dan kewangan Islam tidak memahami kontrak yang mereka tandatangani. Oleh itu, tidak terkecuali kepada apa yang dikatakan oleh Cappel (2001) iaitu “*who found out the gaps between expected and actual performance tend to be greater for technical skills*”.

Jika dilihat dalam situasi sistem kewangan dan perbankan Islam telah berlaku beberapa kali penelitian semula kontrak-kontrak yang berkaitan produk perbankan dan takaful. Ini termasuk penambah baikkan akta kewangan Islam sejak 1984 kepada Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013 “UNDANG-UNDANG MALAYSIA Akta 759”. Tujuan menyempurnakan kontrak yang sedia ada untuk lebih patuh syariah dan tidak membebankan pengguna.

Beberapa kontrak kewangan Islam telah lama beroperasi di Malaysia tapi setelah dilakukan penelitian semula telah terdapat faktor yang perlu dibatalkan konsep kontrak itu seperti kajian Awang (2015), hasil kajian beliau memberikan impak kepada masyarakat Islam di Malaysia sebagai panduan

memperbaiki konsep kontrak dan Bank Negara Malaysia telah memberikan tumpuan terhadap isu kajian itu.

Oleh itu, segala kontrak yang berlaku pada ketika ini telah menjadi perhatian untuk dikaji semula terutama yang berkaitan umat Islam sebagai langkah fardu *Kifayah* melapaskan ummah dari situasi haram yang memudaratkan terutama dalam situasi ekonomi serta kewangan.

3.0 TEORI KAJIAN

Pengukuran kajian ini menggunakan teori Riba dari maksud istilah fukaha mazhab-mazhab seperti yang diperolehi dari kitab Mausyu`ah Fatawa Al-Muamalat Al-Maliah oleh Ali Ja'ah Muhammad (2010) iaitu:

Mazhab Syafie: Riba ialah akad yang dimeterai sebagai pertukaran barang tertentu tetapi pada ketika akad dimeterai pertukaran ini tidak diketahui kesamarataannya menurut ukuran Syarak ataupun penyerahan salah satu atau kedua-dua barang tersebut dilewatkan.

Mazhab Maliki: Setiap jenis daripada jenis riba mengikut yang ditakrifkannya.

Mazhab Hanafi: Riba ialah lebihan suatu harta tanpa tukaran (gantian) di dalam sesuatu akad tukaran harta dengan harta. Maksudnya ialah lebihan harta walaupun lebihan itu dalam bentuk hukum sahaja.

Mazhab Hanbali: Riba ialah berlaku lebihan dalam beberapa perkara dan kelewatan penyerahan yang dikhurasukan dengan perkara tertentu berdasarkan syariat yang mengharamkannya.

3.1 KAJIAN

Berdasarkan contoh borang PCBU asal dan Perjanjian Tambahan di sebuah universiti awam, telah memberikan gambaran situasi yang dihadapi oleh penerima kontrak iaitu para pensyarah dengan meneliti kedua-dua kontrak iaitu kontrak asal di lampiran 1 dan kontrak tambahan di lampiran 2 adalah seperti berikut:

1. Bayaran nominal dalam perjanjian tambahan seperti di Rajah 5 menyatakan sebanyak RM500 dikenakan mengikut Klausus 2 dan tidak didapati di mana-mana Klausus menyatakan bayaran itu untuk tujuan tertentu dan tidak ada apa-apa kenyataan sebagai memaklumkan pengembalian bayaran nominal kepada pensyarah tersebut jika berjaya menamatkan pengajianannya.

2. Dalam keadaan PELAJAR masih belum menyempurnakan Pengajian tersebut, PELAJAR akan membayar kepada UNIVERSITI suatu Gantirugi Nominal untuk jumlah sebanyak RM500-00 (RINGGIT MALAYSIA : LIMA RATUS SAHAJA) sebulan.

Rajah 5: Perjanjian Tambahan klausus 2

2. Di samping membayar nominal, di Rajah 6 pensyarah yang terlibat dikehendaki membuat pengajian separuh masa sambil bekerja selama 4 tahun seperti dinyatakan di Klausus 5

HAZMI DAHLAN & NURULASYIKIN MUDA

3. Pembayaran balik Gantirugi Nominal hanya akan dihentikan setelah PELAJAR tamat dan lulus Pengajian tersebut dan setelah PELAJAR mengemukakan ijazah sarjanah ph.D Pengajian tersebut kepada UNIVERSITI.
4. Setelah PELAJAR tamat dan lulus Pengajian tersebut, PELAJAR hendaklah menandatangani suatu Perjanjian Ikatan Perkhidmatan untuk tempoh dua kali ganda tempoh PELAJAR menamatkan Pengajian tersebut dengan UNIVERSITI (selepas ini disebut sebagai "Ikatan Perkhidmatan baharu tersebut"). Dalam keadaan PELAJAR gagal menandatangkan Perjanjian Ikatan Perkhidmatan tersebut, PERJANJIAN INI dianggap sebagai memadai untuk mengikat PELAJAR untuk Ikatan Perkhidmatan baharu tersebut dari tarikh PELAJAR lulus Pengajian tersebut.

Rajah 6: Perjanjian Tambahan klaus 3&4

3. Klaus 4 dalam perjanjian tambahan Rajah 6 di atas menyatakan “..hendaklah menandatangani suatu Perjanjian Ikatan Perkhidmatan untuk tempoh dua kali ganda tempoh Pelajar menamatkan pengajian tahun....” Iaitu memberi maklum akan ada lagi tambahan perjanjian selepas Perjanjian Tambahan. Ini bermaksud ada 3 perjanjian yang perlu ditandatangani iaitu PCBU asal, Perjanjian Tambahan dan Perjanjian Ikatan Perkhidmatan.
4. Jika gagal selepas percubaan belajar separuh masa pelajar akan dikenakan bayaran 50% dan wajib kekal berkhidmat seperti dinyatakan Klaus 6 seperti di Rajah 7.
6. Sekiranya PELAJAR turut gagal Pengajian Kedua tersebut, PELAJAR hanya membayar 50% daripada baki keseluruhan jumlah ter hutang yang tertunggak dan terakru di bawah Perjanjian Biasiswa tersebut dengan syarat PELAJAR hendaklah kekal berkhidmat dengan UNIVERSITI sehingga PELAJAR wajib menamatkan perkhidmatan dengan UNIVERSITI mengikut peraturan UNIVERSITI yang sedang berkuatkuasa.

Rajah 7: Perjanjian Tambahan klaus 6

Kadar yang telah dibayar setiap bulan dengan tambahan Merujuk PCBU asal Lampiran D. JADUAL KELIMA (FASAL 2), di Rajah 8 dinyatakan kategori bayaran ganti rugi mengikut status belajar serta TEMPOH IKATAN PERJANJIAN bekerja berdasarkan jumlah tahun dan hutang iaitu:Kategori “A” cuti Belajar Bergaji Penuh Dengan Biasiswa 3 tahun menjadikan Ikatan Perjanjian 6 tahun (kursus bukan professional) manakala jumlah ganti rugi adalah Jumlah Sebenar jika luar negara.

*Lampiran D*JADUAL KELIMA
(FASAL 2)JUMLAH TUNTUTAN GANTI RUGI
BIASISWA / HADIAH LATIHAN PERSEKUTUAN

PEGAWAI	TEMPOH IKATAN PERJANJIAN (TAHUN)		JUMLAH GANTI RUGI (RINGGIT MALAYSIA)	
	Kursus Bukan Profesional	Kursus Profesional*	Dalam Negeri (IPTA)	Luar Negeri (Dan IPTS)
A. Cuti Belajar Bergaji Penuh Dengan Biasiswa				
(a) Sijil/Diploma Lepasan Ijazah / Ijazah Lanjutan	2	3	RM40,000	Kos Sebenar* **
(i) Tempoh pengajian lebih 3 bulan hingga 1 tahun**	4	5	RM100,000	Kos Sebenar
(ii) Tempoh pengajian lebih 1 tahun hingga 2 tahun	5	6	RM120,000	Kos Sebenar
(iii) Tempoh pengajian lebih 2 tahun hingga 3 tahun	6	7	RM160,000	Kos Sebenar
(iv) Tempoh pengajian lebih 3 tahun				

Rajah 8: PCBU asal jadual jumlah tuntutan ganti rugi

Dalam perjanjian PCBU asal dinayatakan tempoh ikatan perjanjian jika gagal, maka pelajar akan balik bekerja semula dengan universiti. Manakala jumlah ganti rugi (Ringgit Malaysia) tidak dinyatakan dengan jelas bagaimana keperluan pelajar membayar gantirugi tersebut, adakah perlu dibayar jika pelajar tidak balik berkhidmat atau bekerja dengan universiti atau tanpa perlu membayar apa-apa bayaran jika berniat untuk terus balik berkhidmat berkhidmat. Ini memberikan gambaran bahawa, jika tamat pengajian dengan lulus atau gagal perlu menyelesaikan salah satu sahaja iaitu balik berkhidmat berdasarkan tahun yang telah digunakan atau membayar jumlah ganti rugi (Ringgit Malaysia) kepada universiti jika pelajar tidak balik berkhidmat dengan universiti. Melalui keratan surat kenyataan baki ikatan dengan majikan “Bon” di Rajah 9 menyatakan tidak ada baki bon kerana telah berkhidmat melepas kadar tahun yang dituntut namun pelajar masih belum memperoleh PhD bayaran masih dituntut. Hasil keratan ini memberikan kenyataan bahawa universiti hanya perlu menuntut bayaran ganti rugi jika pelajar ingin berhenti dari berkhidmat dengan universiti.

C) MAKLUMAT BON PERKHIDMATAN

Tempoh Bon Sarjana	: 5 Tahun (60 Bulan)
Tempoh Bon PhD	: 4 Tahun (48 Bulan)
Jumlah Bon	: 9 Tahun (108 Bulan)
Jumlah Perkhidmatan dari Lapor Diri	: 9 Tahun (108 Bulan)
Baki Bon Perkhidmatan	: Tiada
Catatan: Sekiranya tempoh bon telah selesai tetapi pengajian PhD masih tidak selesai pada tarikh pecah kontrak pengajian, tuntutan penuh gantirugi akan dikenakan.	

Rajah 9: Kadar Bon yang diselesaikan

Berbeza dengan perjanjian tambahan, iaitu dikenakan tuntutan universiti nominal RM500 pada masa yang sama pelajar membayar hutangnya dengan cara kedua-duanya, membayar nominal dan balik bekerja dengan majikan iaitu universiti yang had tempoh tahun telah ditetapkan seperti lampiran D perjanjian asal.

Konsep nominal ini mewujudkan *gharar* telah berlaku iaitu ketidak tentuan hak daripada adanya tempoh tahun terikat seperti di Lampiran D kepada tiada kenyataan jelas seperti klausa 6 Perjanjian

Tambahan jika GAGAL setelah membuat pengajian separuh masa untuk 4 tahun serta membayar 50% daripada baki keseluruhan, dengan tambahan akan ada perjanjian lain yang tidak dinyatakan isi kandungan secara jelas. Sedangkan pada masa yang sama peminjam sedang melalui proses penyelesaian “Tempoh Ikatan Perjanjian” iaitu membayar kadar pinjaman dengan cara berkhidmat balik bekerja dengan majikan iaitu universiti.

Ciri <i>gharar</i> dalam kontrak Nominal	
Perjanjian asal PCBU asal	Perjanjian Tambahan
- Ada tempoh yang jelas	<ul style="list-style-type: none"> - Tempoh berkhidmat dua kali ganda jika lulus dengan tambahan bayaran Ganti rugi Nominal RM500 sebulan. - Akan ada perjanjian lain yang isi kandungannya tidak dimaklumkan.

Pengiraan untuk menganalisa kewujudan unsur riba dibuat adalah seperti berikut:

Mengikut perjanjian tambahan, seorang pensyarah melanjutkan pengajian 3 tahun di luar negara dan gagal akan membayar nominal sebanyak RM500 setiap bulan sambil bekerja dan belajar separuh masa selama 4 tahun. Ini akan melebihi kadar sebenar pinjaman iaitu: $500 \times 48 \text{ bulan} (4 \text{ tahun}) = \text{RM}24,000.00$ jumlah yang telah dibayar secara nominal.


Jika dia gagal dalam percubaan meneruskan pengajian secara sambilan akan dikehendaki membayar baki pinjaman sebanyak 50% yang jika diandaikan jumlah pinjaman asalnya iailah RM200,000.00. Maka RM100,000.00 perlu dibayar oleh pensyarah tersebut yang akan berjumlah keseluruhan setelah dicampur dengan bayaran nominal adalah RM124,000.00.

Hasil daripada jumlah RM124,000.00 beserta bekerja sepenuh masa 4 tahun dengan universiti didapati perbezaan seperti berikut:

Perjanjian asal PCBU 3 tahun di luar negara (jika gagal)	Perjanjian PCBU tambahan 3 tahun di luar negara (jika gagal)
<p>Balik bekerja dengan universiti sepenuh masa 6 tahun (bukan profesional) dan 7 tahun (profesional) bersamaan jika dikira secara bulanan dengan kadar keseluruhan pinjaman RM200,000.00 / 7 tahun (84 bulan) = RM2,380 sebulan</p> <p>ATAU</p> <p>Jika berhenti berkhidmat perlu bayar RM160,000.00. (dalam negara) RM: harga sebenar (luar negara)</p>	<p>Bekerja 4 tahun (48 bulan) \times RM2,380 = RM114,288.00 (kadar bon paling minimum)</p> <p>Bayaran bulanan kepada universiti RM500 \times 4 tahun (48 bulan) = RM24,000.00</p> <p>Jika gagal percubaan ulang belajar separuh masa tuntutan universiti = RM100,000.00 + RM350 (yuran guaman)= RM100,350.00</p> <p>Jumlah terkumpul RM114,240.00 (4 tahun kerja) $+ \text{RM}24,000.00 (\text{bayaran bulanan kepada universiti})$ $+ 100,350.00 (\text{tuntutan universiti})$ $= \text{RM}238,638.00$</p> <p>Jumlah yang dibayar kepada universiti RM238,638.00 – RM200,000.00 kadar sebenar bekerja 7 tahun.</p>

	Didapati lebihan RM: 38,638.00
--	---------------------------------------

Lakaran diagram di muka surat berikut adalah lebih jelas menunjukkan aliran kes yang pengiraan di atas.



4.0 HASIL KAJIAN

Pinjaman PCBU boleh dikategorikan dalam bentuk pinjaman penggunaan (*consumption loan*) iaitu bertujuan kegunaan harian peminjam seperti kos-kos penginapan, makanan, alat bantuan belajar dan sebagainya seperti yang dijelaskan oleh Vinish Parikh (2012) *consumption loans are those which are given by the banks to customer in order to meet consumption needs which may range from medical*

emergency, marriage purpose, educational purpose and so on.

Kajian ini mendapati bahawa:

1. Borang PCBU jelas berbentuk konvensional kerana tidak wujud apa-apa klausa yang menyebut terma akad yang biasa diamalkan dalam konsep kontrak (akad) secara Islam. Ini boleh menyumbang kepada amalan tuntutan berkonseptan riba disebabkan tidak jelas.
2. Wujudnya pengamalan riba dan *gharar* dalam PCBU dan perjanjian tambahan universiti sebagaimana perincian ciri-cirinya di bawah:
 - i. Pergandaan bayaran hutang cuti belajar dalam Perjanjian Tambahan yang digabugkan dengan bayaran gantirugi Nominal - *gharar*
 - ii. Bertugas dengan tempoh Ikatan Perjanjian serta membuat tambahan bayaran baki pinjaman 50% (jika gagal percubaan pengajian kedua) yang didapat melalui kiraan yang dilakukan pengkaji adalah menyumbang kepada amalan riba sebenar - riba
 - iii. Berlaku percanggahan Klausa Perjanjian Tambahan dengan perjanjian asal terutama kadar bayaran dan tempoh ikatan perjanjian - *gharar*.
 - iv. Perkataan “Hadiah Latihan” telah digunakan dalam perjanjian asal di lampiran B, kandungan PCBU sebagai pemberian cuti belajar bergaji penuh. Menurut Kamus Dewan, hadiah adalah sesuatu pemberian penghargaan yang tidak perlu dibayar atau tidak ada ganti rugi dalam bentuk tunai serta dalam konsep akad syariah boleh digunakan sebagai konsep “*Qard al-Hassan*”. Sistem tuntutan ke atas hadiah adalah tidak wajar – *batil*
3. Baki akhir pengiraan iaitu RM: 238,638.00 yang mempunyai lebihan RM: 38,638.00 yang jumlah ini belum dimasukkan beban perbelanjaan tambahan pensyarah itu sendiri dalam yuran pengajian sebanyak RM9,600 yang terpaksa dibayar kerana isu meneruskan pengajian secara sambilan. Jika dinilai dari sudut ini maka lebihan dan beban kewangan adalah termasuk dalam konsep riba al-Nasiah.

Gharar	Riba	Batil
<ul style="list-style-type: none"> - Pergandaan yang tidak dinyatakan jelas hutang cuti belajar dengan bayaran Nominal. - Percanggahan Klausa antara PCBU dengan perjanjian tambahan 	<ul style="list-style-type: none"> - Kadar tempoh ikatan bekerja dan bayaran bulanan RM500 serta tambahan bayaran 50% jika gagal. - Wang persendirian pensyarah terguna atas faktor meneruskan secara sambilan atau sepenuh masa. 	<ul style="list-style-type: none"> - Melakukan kontrak dengan ada tambahan (pembaharuan) kontrak sebanyak dua kali yang tidak dijelaskan pada awal perjanjian. - Hadiah Latihan yang bertukar kepada tuntutan bayaran.

5.0 CADANGAN

1. Bahagian BSM dan perundangan universiti perlu mengambil kira perlantikan penasihat syariah yang bertauliah serta arif dalam bidang penelitian kontrak (akad) untuk meniliti dan menambah baik kontrak terutama yang melibatkan kewangan dari segi hadiah atau pinjaman berkaitan dengan pensyarah muslim.
2. Menilai semula kontrak yang sedia ada untuk diaplikasikan kontrak mesra Muslim kepada kaedah akad muamalat dengan konsep:
 - i. *Qard al-Hassan* jika perjanjian berkonseptan “hadiah”
 - ii. *Qard al-Hassan bi Syarat Khassah* jika perjanjian pinjaman tanpa keuntungan dengan syarat tertentu seperti balik berkhidmat atau bayaran balik pinjaman sama kadar yang telah diberikan.
3. Perjanjian tambahan perlu dikaji semula untuk tujuan dimasukkan dalam perjanjian baharu atau dilupuskan dan bukannya sebagai perjanjian terpisah dengan menggunakan perkataan “tambahan”. Ini

untuk mengelakkan berlakunya penzaliman serta tidak berlaku dalam kaedah akad sebenar kerana dalam konsep muamalat tidak ada dua atau gandaan kontrak untuk satu transaksi.

References

- Al-Quran. Resan Othmani. Cetakkan Arab Saudi.
- Al-Bukhārī (1996). *Sahīh al-Bukhārī* Matba‘ah Mustafa al-Babi al-Halabi. Kaherah.
- Abd al-Karīm al-Rāfi‘īl (1997). *Al-‘Azīz Syarh al-Wajīz Dār Kutub al-‘Ilmiyyah*. Beirut.
- Abd al-Rahmān ‘Uthmān al-Jal’ūd (2007). *Ahkām Luzūm al-‘Aqd Dār Kunūz Isybiliya*. Riyād.
- Abdullah Alwi Haji Hassan (2007). *Sales and Contracts in Early Islamic Commercial Law*. Kuala Lumpur: The Other Press.
- Abū Dāwūd (2009). *Sunan Abi Dāwūd*. Tahqiq: Syu‘ayb al-Arnā’ut. Dar al-Risālah al-‘Alamiyyah. Dimasyq.
- Ab Mumin Ab Ghani (1997). *Peristilahan Riba: Satu Analisis Hukum*. Universiti Malaya. Jurnal Syariah: Vol. 5 No. 2
- Al-Imam Muhammad bin Idris Asyafie (1993). *Al-Um* (cetakan pertama). Bab al-Ba‘ie. Jilid 9 ms. 85.
- Ahmad Sufyan Che Abdullah (2008). *Prinsip Ijtihad dalam Muamalat Islam: Antara Fleksibiliti dan Kekangan*, Jurnal Syariah, 147-170.
- Ahmad Sufyan Che Abdullah & Ab Mumin Ab Ghani (2008). *Al-‘Urf dan Justifikasinya dalam Fiqh Muamalat*, 16/2: 427.
- Ahmad bin Hanbal (1995). *al-Musnad*. Qāhirah: Dār al-Hadīth.
- Ahmad Firāj Husayn, al-Milkiyyah wa Nazariyyah al-‘Aqd fi Syarī‘ah all Islāmiyyah Mu’assasah al-Thaqāfah al-Jāmi‘iyyah. Iskandāriyyah.
- Ahmad Muhammad al-Sa‘ad (2011). *Fiqh al-Mu‘āmalāt*. Publisher Dār al-Ketab. Irbid.
- Ahmad Sufyan Che Abdullah (2006). *Prinsip Ijtihad dalam Muamalat Islam: Antara Fleksibiliti dan Kekangan*, dalam Dinamisme Kewangan Islam di Malaysia. Universiti Malaya.
- Ahmad Hidayat Buang (1994). Unsur-unsur Utama Pembentukan Kontrak (Akad) di dalam Undang-undang Islam. Jurnal Syariah, Fakulti Syariah, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya. Jilid 2. Bilangan 1.ms. 92.
- Ahmad Hidayat Buang (1993). Kebebasan Berkontrak di dalam Undang-undang Islam. Jurnal Syariah, Fakulti Syariah, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya. Jilid 1. Bilangan 2. ms. 244.
- Ali Ja‘ah Muhammad (2010). *Mausyu‘ah Fatawa Al-Muamalat Al-Maliah*. Al-Mujalad Al-Khamis A’syr. Bab Ar-Riba Al-Khasam
- Alī bin Muhammad al-Syarīf al-Jurjānī (1985). *Kitāb al-Ta’rifāt* Maktabah Lubnan. Beirut.
- Al-Māwardī (1956). *Al-Insāf fi Ma’rifah al-Rājiḥ min al-Khilāf*.
- Al-Nasā’ī, Abi ‘Abd al-Rahmān Ahmad bin Syu‘ayb (2001), *Sunan al-Nasā’ī*. Tahqiq: Syu‘ayb al-Arnā’ut. Mu’assasah al-Risālah. Beirut.
- Anita Rahmawaty (2014). *Riba dan Bunga Dalam Hukum Kontrak Syariah*.
- Al-Nawawī (2003). *Rawdah al-Tālibīn* Dār ‘Ālam al-Kutub. Riyād
- Al-Qarāfi (1994). *Al-Dhakhīrah* Dār al-Gharb al-Islami. Beirut.
- Al-Qarāfi (1997). *Al-Furuq fi Anwār al-Buruq* Dar al-Kutub al-‘Ilmiyyah. Beirut.
- Artikel 103, Majallah al-Ahkam al-‘Adliyyah.
- Al-Shāṭibī (1997). *Al-Muwāfaqāt fī Usūl al-Syārī‘ah* Dār Ibn ‘Affān. Riyād.
- Al-Syirazī. al-Muhadhab. Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah, 2 vols.
- Al-Tirmidhī, Muhammad bin ‘Isa, *Sunan al-Tirmidhī*. Tahqīq: Nāṣir al-Din al-Albānī. Maktabah al-Ma‘ārif. Riyād.
- Al-Zarkasyī (1982). *Al-Mantūr fi al-Qawā‘id Wizārah al-Awqāf wa al-Syu‘ūn al-Islāmiyyah*. Kuwait.
- Awang, et. Al (2015). Penggunaan kontrak bay‘ al-inah dalam pembiayaan peribadi secara Islam di Malaysia: satu analisis. *Muamalat*, 8. pp. 167-184. ISSN 1985-6156
- Tafsir Al-Wasit. Wahbah al-Zuhaili. JAKIM

HAZMI DAHLAN & NURULASYIKIN MUDA

- Jurnal Syariah. 1993. Fakulti Syariah, Akademi Islam Universiti Malaya, Jilid I, Bilangan 2. ms. 253. Pengertian *gharar*.
- Macaulay, S. (1963). Non-Contractual Relations in Business: A Preliminary Study. American Sociological Review Vol. 28, No. 1, 55-67.
- Muhammad Abu Zahrah, Usul al-Fiqh. Dar al-Fikr al-‘Arabi.
- Muhammad Mahmūd al-‘Ajlūnī (2010). Al-Bunuk al-Islāmiyyah. Dār al-Massīrah, ‘Ammān.
- Muhammad Muhyi al-Dīn Ibrāhīm Sālim (2007). Ahkām Damān al-Āriyah. Dar al-Matbu’at al-Jami’iyyah. Iskandariyyah.
- Muhammad Mustafā al-Zuhaylī (2006). Al-Qawā’id al-Fiqhiyyah wa Tatbīqātuha fī Madhāhib al-Arba’ah. Dar al-Fikr. Damsyiq
- Muslim bin Hajjāj (1994). Sahīh Muslim Dar al-Ma’rifah. Beirut.
- Mustafā Ahmad al-Zarqā (1998). Madkhal Fiqh al-Āmm Dār al-Qalam. Damsyiq.
- Mustafā Dib al-Bughā (2009). Fiqh al-Mu’āwadāt Dār al-Mustafa, Damsyiq.
- Nazih Hammād (2000). Madā’ Sīhhah Tadmīn Yad al-Amānah bi Syart fī al-Fiqh all Islāmī. Ma’had al-Islāmī li al-Bu’ūth wa al-Tadrīb.
- ‘Uthmān Bakar Ahmad dan Nizām Himāyah al-Wadā’i (2002). Ma’had al-Islāmī li al-Bu’ūth wa al-Tadrīb,
- Hay’ah al-Muhāsabah wa al-Murāja‘ah li al-Mu’assasah al-Māliyah all Islāmiyyah (2010). Al-Ma’āyīr al-Syar’iyyah. Al-Manāmah: AAIOIFI,
- Hazmi Dahlan (2023). Akad Dalam Takaful Kenderaan Dari Perspektif Ustaz dan Ustazah di Malaysia. *Tesis Doktor Falsafah* : UMS. Fakulti Perniagaan, Ekonomi dan Perkaunan.
- Ibn al-Qayyim al-Jawziyyah (2002). I’lam al-Muwaqqi’in Dar Ibn al-Jawzī. Riyād.
- Ibn Juzay (1979). Al-Qawānīn al-Fiqhiyyah. Dār al-‘Ilm al-Malāyīn. Beirut.
- Ibn Manzūr (1991). Lisān al-‘Arab Dār al-Ma’ārif. Kaherah.
- Ibn Nujaym (1997). Al-Bahr al-Rā’iq Syarh Kanz Daqā’iq Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah. Beirut.
- Ibn Rusyd (1982). Bidāyah al-Mujtahid wa Nihāyah al-Muqtasid Dār al-Ma’rifah. Beirut.
- Ibn Taymiyyah, al-Qawā’id al-Nurāniyyah al-Fiqhiyyah. Dār Ibn al-Jawzi, n.d.
- Weshsler, M. M. (2012). The Law Guide V1.1. New York: The Law Network, LLC.
- Wizārah al-Awqāf wa al-Syu’ūn al-Islāmiyyah (1994) .Al-Mawsū’ah al-Fiqhiyyah. Dār al-‘Afwah. Kuwait.
- Bank Negara Malaysia. (2020). Garis Panduan Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013.
https://www.bnm.gov.my/index.php?ch=bm_legislation&pg=bm_legislation_ac&tac=344&full=1&lang=bn
- Kamus Dewan. Makna Hadiah. <http://prpm.dbp.gov.my/cari1?keyword=hadiyah>
- Vinish Parikh (2012). Consumption Loan Meaning. <https://www.letslearnfinance.com/consumption-loan-meaning.html>
- Mufti Wilayah Persekutuan (2018). Status Pelangsaian Pinjaman PTPTN Menurut Perspektif Syarak. <https://muftiwp.gov.my/artikel/bayan-linnas/2620-bayan-linnas-siri-ke-149-status-pelangsaian-pinjaman-ptptn-menurut-perspektif-syarak>
- Mufti Wilayah Persekutuan (2021). Jenis-jenis Riba Di sisi Mazhab Syafie
<https://muftiwp.gov.my/artikel/al-kafi-li-al-fatawi/5078-al-kafi-1847-jenis-jenis-riba-di-sisi-mazhab-syafie>
- Ein Azmi (2021). Siasat Unsur Riba Pinjaman PTPTN. Malaysia Kini.
<https://www.malaysiakini.com/news/671>
- Ahmad Suhael Adnan (2023). Asyraf Wajdi Mahu Jadikan Pinjaman MARA Bebas Riba. Berita Harian. <https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2023/03/1076501/asyraf-wajdi-mahu-jadikan-pinjaman-mara-bebas-riba>